

Tentukan pola ayat bagi ayat-ayat berikut sama ada *FN+FN*, *FN+FK*, *FN+FA*, atau *FN+FS* (5 markah)

Bil.	Ayat	Pola Ayat
1.	Bapa saya pegawai tentera yang sangat tegas.	
2.	Salmah membuat latihan Bahasa Melayu di dalam kelas.	
3.	Para penari kebudayaan itu dari Indonesia.	
4.	Pokok kelapa itu bergoyang-goyang ditiup angin kencang.	
5.	Bungkusan itu untuk adik sempena hari lahirnya.	

Tentukan jenis ayat bagi ayat-ayat berikut sama ada *ayat penyata*, *ayat perintah*, *ayat tanya* atau *ayat seruan*. (5 markah)

Bil.	Ayat	Jenis Ayat
1.	Norlia memberi makanan dari kedai itu.	
2.	Rumah Ramlan di Melaka?	
3.	Jangan tidur semula selepas solat subuh.	
4.	Wah, tingginya bangunan itu!	
5.	Biarkan sahaja mereka bermain di situ.	

Kenal pasti dan tulis subjek bagi ayat-ayat berikut pada ruangan jawapan. (5 markah)

Bil.	Ayat	Subjek
1.	Bulu kucing kesayangan Dolly itu lebat dan panjang.	
2.	Kata-kata mutiara yang ditampal pada dinding sekolah membangkitkan semangat murid untuk belajar.	
3.	Badan kita sukar mengeluarkan toksin apabila kekeringan air.	
4.	Anak dan isteri perokok berisiko tinggi untuk mendapat kanser tekak , kanser paru-paru, dan sakit jantung.	
5.	Sesetengah tumbuhan tanah gambut memperoleh makanannya dengan cara menangkap serangga.	

Tukarkan ayat aktif di bawah kepada ayat pasif.

(5 markah)

Bil.	Ayat Aktif	Ayat Pasif
1.	Kerajaan akan mengambil kira pandangan rakyat dalam membangunkan negara ini.	
2.	Saya telah menebas pokok kelapa pandan di belakang rumah datuk.	
3.	Ibu bapa harus mengawasi tingkah laku anak-anak.	
4.	Sekawan kera memusnahkan kebun pisang Haji Mail.	
5.	Pelumba pasukan Ah Hong Motor memotong pelumba pasukan Maju Motor.	

Bina ayat tanya yang sesuai berdasarkan rangkai kata yang bergaris. (5 markah)

Bil.	Ayat	Ayat Tanya
1.	Ibu pergi ke pasar <u>pagi tadi</u> .	
2.	Pelajar itu berjaya dengan cemerlang kerana <u>rajin belajar</u> .	
3.	Pertandingan Bahas Ala Parlimen Peringkat Negeri Pulau Pinang <u>diadakan secara dalam talian</u> .	
4.	<u>Tiga biji telur</u> digunakan untuk membuat kek itu.	
5.	<u>Tuan Haji Sulaiman</u> pengetua sekolah itu.	